

Pementasan 'Muzikal 1963' gamit kenangan pejuang kemerdekaan Sabah

UB 22.09.2023 P.08

KOTA KINABALU: Pementasan 'Muzikal 1963' anjuran Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menggamit kenangan perjuangan pemimpin negeri memerdekakan Sabah.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, berkata universiti berperanan

sebagai medium dalam membantu negara menerapkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

"Pementasan 'Muzikal 1963' merupakan inisiatif UMS dalam membawa rakyat Sabah mengenang kembali perjuangan dan pengorbanan pemimpin membangun negeri Sabah.

"Ia dibuat melalui pendekatan lebih mudah, in-

teraktif dan menghiburkan serta memberi impak melalui mesej dan pengajaran yang dimuakan dalam pementasan malam ini.

"Secara peribadi, pementasan malam ini amat saya nantikan. Saya ingin melihat transisi era kemodenan negeri Sabah dari sudut yang berbeza.

"Ini mencerminkan demokrasi yang subur di

negeri ini kerana rakyat Sabah sentiasa meraikan perbezaan. Ia juga memberi isyarat yang jelas bahawa semangat perpaduan di negeri ini amat jitu," katanya ketika ditemui selepas pementasan selesai di Dewan Resital, UMS.

Rahman berharap pementasan muzikal itu akan mendapat sambutan di samping menyuntik sema-

ngat patriotik dalam jiwa masyarakat Sabah.

"Saya juga berharap agar pementasan ini memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga kemerdekaan dengan menahirkkan rasa cinta kepada negeri dan negara.

"Di samping itu, ia diharapkan dapat menyuburkan ingatan kita mengenai perjuangan pemimpin

terdahulu dalam membangunkan negeri kita," katanya.

Pementasan 'Muzikal 1963' akan berlangsung sehingga 23 September 2023 di Dewan Resital, UMS.

Orang ramai boleh mendapatkan tiket melalui pembelian secara dalam talian di Facebook rasmi Muzikal 1963.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj Mansor; Ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Haji Aliasgar Haji Basri dan Samasuddin Haji Yusop; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin serta Dekan ASTiF, Prof. Madya Dr. Zairul Anwar Md Dawam.



SEMANGAT: Rahman dan isteri bergambar dengan pelakon Muzikal 1963.



KREATIF: Pementasan Muzikal 1963 berlangsung sehingga 23 September ini.*